



## JABATAN HUTAN SARAWAK DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Jabatan Hutan Sarawak komited untuk:

1. Memberi perlindungan keselamatan kepada semua dokumen rasmi kerajaan.
2. Mewujud dan mengekalkan persekitaran keselamatan perlindungan mencukupi terhadap rahsia rasmi menurut **Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)**.
3. Melaksanakan dan menguruskan langkah-langkah keselamatan perlindungan ke atas rahsia rasmi dan perkara rasmi secara efektif di Jabatan Hutan Sarawak.
4. Melaksanakan langkah-langkah keselamatan perlindungan menepati tahap penilaian risiko Jabatan Hutan Sarawak berdasarkan **Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)** meliputi aspek-aspek berikut:
  - i. Keselamatan Fizikal
  - ii. Keselamatan Rahsia Rasmi
  - iii. Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran ICT; dan
  - iv. Keselamatan Peribadi
5. Mewujudkan dan Melaksanakan Perlindungan Data:-  
Teknologi terkini termasuk penyulitan data adalah digunakan untuk melindungi data yang dikemukakan dan pematuhan kepada standard keselamatan yang ketat adalah terpakai untuk capaian yang tidak dibenarkan menurut **Akta 709** dan **Enakmen 16**.
6. Mempertingkatkan Keselamatan Storan:-  
Semua storan elektronik dan penghantaran data peribadi akan dilindungi dan disimpan dengan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai di bawah **Dasar Keselamatan ICT (DKICT)**.
7. Mempastikan Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) disediakan dan diperakui oleh Ketua Jabatan bagi mengekalkan ketersediaan dan kesimbangan perkhidmatan apabila berlaku gangguan serta baik pulih perkhidmatan dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana kehendak perenggan 174, Arahan Keselamatan.

.....  
(DATU HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD)

PENGARAH

JABATAN HUTAN SARAWAK

Tarikh: 02 MAY 2023